

U B274 AAB
MAHKAMAH - FEER
(I)

KUALA LUMPUR, 3 MEI (BERNAMA) -- MAHKAMAH TINGGI DI SINI HARI INI DIBERTITAHU BAHAWA IA TIDAK MEMPUNYAI BUDIBICARA UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN, PADA PERINGKAT +INTERLOCUTORY+, SAMA ADA FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW (FEER) DAN PENGARANGNYA PERLU MENDEDAHKAN SUMBER-SUMBER MEREKA BERHUBUNG DENGAN LAPORAN MENGENAI APA YANG DIKATAKAN CADANGAN HENDAK MENJUAL LIMBANG KEPADA BRUNEI DARUSSALAM.

PEGUAM MUHAMMAD SHAFEE ABDULLAH BERKATA WALAUPUN PADA PERBICARAAN MENDENGAR SAMAN MALU YANG DIKEMUKAKAN OLEH PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, TERHADAP FEER DAN PENGARANGNYA, ENCIK DEREK DAVIES, BERHUBUNG DENGAN LAPORAN ITU, BUKANLAH SESUATU YANG MESTI BAHAWA HAKIM BOLEH MENGARAHKAN KEDUA-DUA MEREKA MENDEDAHKAN SUMBER-SUMBER ITU.

BELIAU BERHUJAH TERHADAP PERMOHONAN SUPAYA KEDUA-DUA MEREKA MENYEBUT NAMA SUMBER ATAU SUMBER-SUMBER, BUTIRAN BAGI SETIAP PERISTIWA YANG MEREKA MENDAKWA SUMBER ATAU SUMBER-SUMBER ITU TERBUKTI BOLEH DIPERCAYAI, BILA DAN DI MANA MAKLUMAT DISAMPAIKAN DAN BENTUK MAKLUMAT ITU DISAMPAIKAN.

KATANYA, HAKIM BOLEH MENGGUNAKAN BUDIBICARANYA DAN BELIAU MENGARAHKAN PELANGGANNYA MENYEBUT NAMA SUMBER-SUMBER ITU DAN MAKLUMAT LAIN HANYA JIKA PLAINTIF DAPAT MEMBUKTIKAN BAHAWA ADA KELAKUAN BURUK YANG MELIBATKAN WARTAWAN ATAU SUMBER-SUMBER ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG MENYAMAN FEER DAN ENCIK DAVIES KERANA FITNAH BERTULIS BERHUBUNG DENGAN RENCANA YANG DISIARKAN DALAM MAJALAH ITU KELUARAN 21 MEI TAHUN LALU, MEMOHON BUTIR-BUTIR ITU. --
LAGI

1853MST 03 05 88

0868

U B275 AAB
MAHKAMAH - FEER 2 KUALA LUMPUR
(I)

DALAM SAMAN ITU, BELIAU JUGA MEMOHON GANTIRUGI KERANA APA YANG DIKATAKAN FITNAH BERTULIS YANG TERKANDUNG DALAM KENYATAAN MEMINTA MAAF DAN PENARIKAN BALIK LAPORAN BERTHUBUNG DENGAN RENCANA YANG DISIARKAN OLEH FEER PADA 4 JUN TAHUN LALU.

DATUK SERI DR MAHATHIR ANTARA LAIN MENDAKWA BAHAWA PERKATAAN-PERKATAAN ITU, YANG MENYENTUH BELIAU DENGAN KEDUDUKANNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI, MENGIKUT MAKNA YANG LAZIM DIFAHAMI, MEMBAWA MAKSUD YANG BELIAU TERLIBAT DALAM PERCUBAAN YANG BERGANGGAH DENGAN PERLEMBAGAAN DAN SECARA GELAP UNTUK MENJUAL KEPADA BRUNEI DARUSSALAM SEBAHAGIAN DARIPADA WILAYAH SARAWAK YANG MERUPAKAN KOMPONEN MALAYSIA.

BELIAU BERKATA AKIBAT PENERBITAN PERKATAAN-PERKATAAN ITU, NAMA BAIKNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI TELAH TERCEMAR DAN MENDEDAHKANNYA KEPADA CEMUAN DAN KEBENCIAN MASYARAKAT SERTA PENGHINAAN.

FEER DAN PENGARANGNYA, DALAM KENYATAAN MEMBELA DIRI, MENAFIKAN YANG RENCANA ITU BERMaksud UNTUK MEMFITNAH PERDANA MENTERI DAN MENAMBAH KATA JIKA PERKATAAN-PERKATAAN ITU BERBAU FITNAH, IA DISIARKAN MENGIKUT +PERLINDUNGAN BERSYARAT+ MEMANDANGKAN DATUK SERI DR MAHATHIR SEORANG TOKOH YANG BUKAN SAHAJA DIKENALI DI MALAYSIA BAHKAN DUNIA.

ENCIK MUHAMMAD SHAFEE JUGA MENYENTUH MENGENAI ARAHAN 78, PERATURAN 6, PERATURAN MAHKAMAH TINGGI. -- LAGI
1855MST 03 05 88

0918

B B298 AAB
MAHKAMAH - FEER 3 KUALA LUMPUR
(I)

PERATURAN ITU MENYEBUT BAHAWA DALAM TINDAKAN KERANA FITNAH BERTULIS ATAU FITNAH YANG DEFENDAN MENDAKWA BAHAWA PERKATAAN-PERKATAAN ATAU PERKARA YANG DIADU ITU MELIBATKAN KEPENTINGAN UMUM ATAU DISIARKAN MENGIKUT KEISTIMEWAAN TERTENTU, SEBARANG PERTANYAAN MENGENAI SUMBER MAKLUMAT DEFENDAN TIDAK DIBENARKAN.

BELIAU BERHUJAH DEFENDAN TELAH MENGEMUKAKAN PEMBELAAN YANG MENGANUNGI ULASAN YANG ADIL DAN PERLINDUNGAN BERSYARAT DAN MENAMBAH KATA PEMBELAAN ITU TERMASUK DALAM PERATURAN 78.

ENCIK MUHAMMAD SHAFEE JUGA BERKATA ISU-ISU YANG TERLIBAT MENYENTUH +KEPENTINGAN UMUM.+

PERBICARAAN DI HADAPAN HAKIM DATUK AJAIB SINGH BERSAMBUNG ESOK.
-- BERNAMA
2027MST 03 05 88